

# 01

## *Aplikasi LinoIt Sebagai Wadah Latihan Lisan: Satu Pendekatan SDL dan CoL*

**Djohan Abdul Rahman**

Sekolah Menengah Bishan Park  
djohan\_a\_rahman@moe.edu.sg

**Faizal Farouk**

Sekolah Menengah Woodlands Ring  
Faizal Farouk faizal\_b\_farouk@moe.edu.sg

### *Abstrak*

Aktiviti pembelajaran yang dijalankan ketika mengajar Bahasa Melayu perlu bersifat interaktif dan bermakna supaya proses pengajaran dan pembelajaran kekal menarik dan tidak membosankan. Dewasa ini, penggunaan Internet melalui telefon bijak bukan lagi menjadi satu perkara yang asing dalam kehidupan para pelajar. Satu kajian yang meneliti kaedah penggunaan aplikasi LinoIt melalui komputer dan juga melalui telefon bijak telah dilaksanakan sebagai satu pendekatan alternatif yang mampu meningkatkan kemahiran bertutur, di samping menerap pendekatan Self-Directed Learning (SDL) dan *Collaborative Learning* (CoL) dalam kalangan pelajar. Para pelajar telah mengikuti kaedah pembelajaran tersebut di makmal komputer dan di kawasan luar sekolah. Latihan ini juga mampu dijadikan sebagai salah satu tugas *Home Based Learning* (HBL). Dapatan daripada kajian tentang penggunaan aplikasi LinoIt dalam usaha untuk terus mempertingkatkan kemampuan bertutur para pelajar jelas berjaya menarik minat pelajar untuk mendalami dan menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan.

#### **Kata kunci**

Linoit, CoL, SDL, Lisan, HBL

## PENDAHULUAN

Sejajar dengan peralihan masa, para guru kini diseru agar menerapkan Kemahiran Abad Ke-21 (21CC) dalam ruang lingkup kelas masing-masing. Namun, sebelum pelajar-pelajar diperkenalkan kepada kecekapan yang diinginkan, guru sendiri perlulah dilengkapi dengan kecekapan yang dimaksudkan itu. Dewasa ini, untuk memastikan pembelajaran Bahasa Melayu kekal relevan, menarik dan tidak membosankan, guru perlu menggunakan strategi dan kaedah yang pelbagai. Kajian ini meneliti penggunaan aplikasi Linolt sebagai satu kaedah yang mampu mencapai matlamat pembelajaran, di samping menerapkan pendekatan SDL dan CoL dalam kalangan pelajar. Kaedah ini jelas berjaya menarik minat para pelajar untuk mendalami dan menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan.

Proses pengamatan dan penjanaan idea yang begitu menyerlah dalam kalangan pelajar juga membuktikan keberkesanan kajian ini yang pada masa yang sama mampu memberi penekanan dan penumpuan pada pemikiran kreatif dan kritikal dalam kalangan pelajar. Di samping itu, penerapan elemen-elemen SEL sebagai penambah nilai kepada pelajar juga berjaya diserapkan.

Penggunaan Internet melalui telefon bijak bukan lagi menjadi satu perkara yang asing dalam kehidupan para pelajar. Kajian ini meneliti kaedah penggunaan aplikasi Linolt melalui komputer dan juga melalui telefon bijak sebagai satu pendekatan alternatif yang mampu meningkatkan kemahiran pertuturan, di samping menerapkan pendekatan SDL dan CoL dalam kalangan pelajar. Para pelajar boleh menjalankan pendekatan ini di makmal komputer ataupun di kawasan luar sekolah. Latihan ini juga mampu dijadikan sebagai salah satu tugas *Home Based Learning* (HBL). Penggunaan aplikasi Linolt dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kemampuan bertutur para pelajar jelas berjaya menarik minat mereka untuk mendalami dan menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan. Justeru, dalam mengharungi era yang serba canggih ini, penggunaan kaedah pengajaran dengan menggunakan aplikasi Linolt ini mampu dijadikan sebagai pemangkin untuk mencapai objektif pembelajaran di dalam bilik darjah.

Para pelajar, baik di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah akan berasa teruja untuk melaksanakan aktiviti mendengar dan bertutur. Pada masa yang sama, mereka akan terangsang untuk menghasilkan kelakonan yang terbaik dengan menggabungkan jalin daya pemikiran kreatif dan kritikal dengan kefasihan bahasa.

Dewasa ini, para guru juga menghadapi pelbagai cabaran untuk mencakupi kerencaman kemahiran baharu dek keterbatasan waktu. Oleh yang

demikian, salah satu kaedah yang dapat diterapkan untuk mengatasi kendala ini adalah dengan menggunakan aplikasi Linolt.

Dengan perancangan yang tersusun dan rapi, guru pasti dapat melaksanakan kaedah ini dengan jayanya. Melalui kaedah ini, para guru boleh menilai kemampuan dan pemahaman pelajar. Guru juga boleh menjadikan kaedah ini sebagai kayu ukur untuk membina keupayaan pelajar secara formatif.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kemodenan dan kecanggihan teknologi senantiasa berkembang maju. Dalam kehidupan seharian, profil pelajar juga berubah. Mereka tidak lagi terangsang dengan kaedah yang hanya merujuk pada pembacaan dan 'memuntahkan semula' maklumat yang telah dipelajari. Pasti para guru tidak mahu melihat pencapaian para pelajar semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Maka, rancangan pembelajaran perlu dirombak dan dinilai semula agar satu-satu kaedah pembelajaran dan pengajaran itu perlu disesuaikan mengikut keupayaan dan minat pelajar. Dengan ini kita akan mampu menambat minat golongan pelajar.

Namun, keterbatasan waktu acap kali menjadi kendala bagi para guru untuk mencukupi kerencaman kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baharu. Menghasilkan satu pelajaran yang mampu mencapai matlamat pembelajaran dan pada masa yang sama tidak membosankan boleh membebaskan seseorang guru. Oleh yang demikian, salah satu cara yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan aplikasi Linolt.

## **TUJUAN KAJIAN**

Secara syumul, kajian ini bermatlamat untuk mengetengahkan dan berkongsi keberkesanan penerapan aplikasi Linolt dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga telah dilaksanakan dalam dua suasana kelas yang berbeza; dalam kelas Aliran Normal dan dalam kelas Aliran Ekspres. Matlamat khusus kajian ini pula terbahagi kepada enam. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah aplikasi Linolt:

1. dapat mempersiapkan pelajar dengan Kemahiran Abad ke-21;
2. berjaya mencapai matlamat pembelajaran yang diinginkan dengan memberi penekanan pada pendekatan SDL dan CoL;
3. mengaplikasikan ICT dalam moda pembelajaran;

4. mampu memenuhi cita rasa pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu;
5. memupuk pemikiran kreatif dan kritikal, di samping menerapkan elemen-elemen Social Emotional Learning (SEL); dan
6. meluaskan kosa kata bahasa Melayu para pelajar.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat sama ada aplikasi Lino dapat memastikan pelajar mampu menimba ilmu secara sendiri dan secara kopaloratif. Matlamat sekunder kajian ini adalah untuk melihat sama ada kaedah ini dapat memastikan pelajar berjaya memahami topik yang ingin disampaikan dengan menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza berbanding dengan pendekatan yang lazim dilakukan di dalam kelas. Melalui kajian yang dijalankan dalam dua kelas yang berbeza, para guru juga mampu menilai tahap kemahiran yang paling sesuai untuk diterapkan, berdasarkan kepada profil pelajar. Komponen SEL yang menerapkan kerjasama serta semangat setiakawan dalam kalangan pelajar mampu dilihat melalui penggunaan aplikasi Lino.

Pada akhir pelajaran, satu sesi maklum balas diadakan bagi pelajar-pelajar yang terlibat. Melalui sesi ini, guru dapat memenuhi matlamat yang ketiga, iaitu mengetahui sejauh manakah pendekatan ini mampu memberikan manfaat pada pelajar dan mengenal pasti kesan daripada pelajaran tersebut, yang akhirnya akan menyumbang kepada kepuasan yang dirasakan sewaktu mengikuti pelajaran.

## KAJIAN LITERATUR

John-Harmen Valk, seorang pensyarah dari IDRC Kanada pernah melakukan penyelidikan yang menyentuh aspek penggunaan aplikasi telefon bijak pembelajaran melalui kajiannya yang berjudul *'Using Mobile Phones to Improve Educational Outcomes: An Analysis of Evidence from Asia'*. Daripada kajian yang telah dijalankan, dapatan hasil daripada kajian itu menampakkan peningkatan yang memberangsangkan dari sudut minat dan pemahaman pelajar dalam mencapai matlamat pembelajaran.

Menurut beliau lagi, penggunaan alat-alat moden dan aplikasi-aplikasi sebegini sangat berkesan kerana

*"... communication and interaction, offering new modes of delivery, and generally transforming teaching and learning processes."*

(Valk, John-Harmen, 2010)

Menurut Naveen K Mehta (2012) melalui kajiannya yang bertajuk '*Mobile Phone Technology in English Teaching: Causes and Concerns*', "pembelajaran bahasa yang menggunakan telefon bijak mampu menaiktaraf kemampuan pelajar untuk membaca dan mengenal pasti data. Kaedah ini juga memberi wadah kepada pelajar untuk bekerja secara sendiri dan pada masa yang sama, memberi peluang untuk mereka berkolaborasi dengan pelajar-pelajar lain".

Oleh yang demikian, kaedah ini menyediakan ruang kebebasan untuk berfikir secara kreatif dan mampu membenarkan para pelajar supaya berbincang bersama rakan-rakan untuk membuat keputusan yang terbaik bagi dirinya sendiri.

Thornton dan Houser (2005) juga menekankan kepentingan menggunakan teknologi untuk meningkatkan tahap keberkesanan pembelajaran bagi mencapai kefasihan bahasa. Menurut kajian mereka, pendekatan yang menerapkan penggunaan ICT dalam pembelajaran sememangnya merupakan satu kaedah yang terbukti keberkesanannya.

Menurut Kukulska-Hulme (2006), penggunaan teknologi telah menawarkan pengamatan dan penggunaan bahasa yang tidak terbatas kepada penggunanya. Menurutnya lagi,

*"Mobile learning promises to deliver closer integration of language learning with everyday communication needs and cultural experiences. Mobile devices may be used for learning at home, in a classroom, in a social space, on field trips, in museums and art galleries, in work contexts or as part of everyday learning communication and interaction, offering new modes of delivery, and generally transforming teaching and learning processes."*

(Kukulska-Hulme, 2006)

Sehubungan dengan itu, penggunaan aplikasi Linolt jelas mampu menepati matlamat pelajaran yang diinginkan.

## **PROFIL PELAJAR**

Menurut Jones (2002) dari segi kecenderungan terhadap pembelajaran, pelajar suka pada kegiatan pembelajaran yang memberi pengalaman, kerja berstruktur

dan penggunaan teknologi yang meluas. Daya keupayaan pembelajaran mereka termasuk membuat pelbagai kerja dalam satu masa, tugas yang berorientasikan matlamat, sikap positif dan juga kebolehan bekerjasama.

Apabila kita mengenali dan memahami profil pelajar kita, maka kaedah pengajaran yang digunakan wajarlah disesuaikan dengan profil pelajar sedia ada. Kita juga harus mengambil kira matlamat utama dalam setiap proses pembelajaran dan menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam diri pelajar kita.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Menurut UNESCO dalam Laporan Suruhanjaya Antarabangsa untuk Pendidikan Abad Ke-21, (*Report Of The International Commission On Education For The Twenty First Century*), pendidikan yang berterusan sepanjang hayat harus berasaskan empat tuggak, iaitu:

- *'Learning to know'* (belajar untuk memahami)
- *'Learning to do'* (belajar untuk melakukan)
- *'Learning to live together'* (belajar untuk hidup bersama)
- *'Learning to be'* (belajar untuk membina diri).

Pencapaian empat matlamat teras ini diharapkan dapat membentuk insan yang mempunyai ciri-ciri keupayaan yang mampu menghadapi masa depan dengan lebih berkeyakinan. Para pelajar diharapkan dapat membina ciri-ciri berikut dalam diri mereka:

- a. Pekerja yang berwibawa dan sendiri
- b. Berbilang bahasa
- c. Berfikiran kritikal
- d. Penjalin perhubungan
- e. Pembicara yang berkesan
- f. Pelajar sepanjang hayat yang sihat
- g. Pemahaman tinggi dalam sains
- h. Pengkaji yang mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi
- i. Pembaca yang cekap
- j. Warganegara yang celik kewangan
- k. Pemikir yang kreatif/inovatif
- l. Pengguna yang celik media
- m. Warganegara berpengetahuan global

- n. Pengguna teknologi yang mahir
- o. Penyelesai masalah yang efektif
- p. Penyumbang kerja berkumpulan yang berkesan
- q. Pakar yang berkemahiran

## **PENERAPAN KAEDAH SDL DAN COL MELALUI PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT**

Kajian ini meneliti keberkesanan meningkatkan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar dengan menggunakan aplikasi Linolt. Aplikasi Linolt merupakan satu pendekatan alternatif yang dijalankan secara terancang yang mengetengahkan teknik pembelajaran latih tubi yang diguna pakai melalui aplikasi Linolt. Pengajaran dan pembelajaran sebegini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan, mengikut kebijaksanaan guru dalam mengendalikan aktiviti tersebut.

## **KEUNGGULAN PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT**

Pelbagai manfaat yang akan diraih dalam penggunaan aplikasi Linolt. Antaranya termasuklah:

- a. Menggalakkan pemikiran kreatif dan penggunaan laras bahasa yang berkesan.
- b. Berpusat kepada pelajar.
- c. Membolehkan cara pembelajaran yang pelbagai.
- d. Melibatkan kesemua pelajar.
- e. Menggalakkan kerjasama antara pelajar.
- f. Guru bertindak selaku pemudah cara, sejajar dengan seruan TLLM.
- g. Melibatkan pelbagai mod komunikasi.
- h. Menggalakkan persaingan sihat.
- i. Memerlukan persiapan (bagi pihak guru) yang minimal setelah arahan benar-benar difahami.
- j. Melalui aplikasi Linolt, para pelajar akan mencuba dan menemui perkara-perkara baharu (laras bahasa, penggunaan ICT, cara mengedit tugas yang berkesan, dan sebagainya).
- k. Golongan pelajar akan dilatih tubi akan pengetahuan, pemahaman dan penggunaan bahasa yang sesuai.
- l. Memupuk kaedah pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar (mencari contoh peribahasa/nilai yang sesuai yang boleh disertakan dalam jawapan mereka).

## **KEBERKESANAN PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT**

Untuk memastikan penggunaan aplikasi Linolt menjadi lebih berkesan, perkara-perkara yang berikut perlu dititikberatkan:

- a. Aktiviti bukan sekadar satu sesi suka ria. Sebaliknya, ia harus mencapai matlamat pengajaran yang wujud sepanjang pengendalian aktiviti tersebut.
- b. Aktiviti harus menampakkan persaingan yang sihat. Mungkin guru dapat menjalankan aktiviti penilaian atau pemantauan pembelajaran dalam konteks pertandingan.
- c. Aktiviti tersebut perlu menarik minat kesemua pelajar.
- d. Aktiviti harus menampakkan penggunaan laras bahasa yang sesuai.
- e. Aktiviti harus memberi peluang untuk golongan pelajar mempelajari dan mempraktikkan komponen-komponen bahasa yang diketengahkan.

## **ISU-ISU PENTING YANG BERSANGKUTAN DENGAN PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT**

Penggunaan aplikasi Linolt ini, sama ada secara meluas atau dalam keadaan yang terhad, dapat mendedahkan pelajar kepada kemahiran-kemahiran yang ingin diterapkan kepada golongan pelajar. Bergantung pada peringkat dan kebolehan pelajar, guru dapat memilih kemahiran-kemahiran bahasa tertentu ketika mengendalikan aplikasi ini.

Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian ketika menggunakan aplikasi Linolt termasuklah:

- Mewujudkan komunikasi yang positif dan perhubungan kolaboratif dalam kalangan pelajar yang mempunyai kemampuan yang pelbagai. Sekiranya guru ingin membahagikan pelajar kepada kumpulan (jika aktiviti itu dijalankan pada tahap berkumpulan), dinamika setiap kumpulan boleh direncamkan mengikut hemat guru. Guru harus mengambil kira profil pelajar ketika mengelompokkan mereka ke dalam kumpulan masing-masing.
- Memupuk minat dan memotivasikan pelajar yang kurang menumpukan perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pastikan anggota kumpulan menggalakkan rakan yang tidak



memberikan perhatian untuk melakukan tugas bersama-sama. Dengan ini, tugas dapat dilaksanakan secara adil dengan melibatkan semua anggota kumpulan.

- Memberi bantuan kepada pelajar secara minimal. Guru bertindak selaku pemudah cara dan akan memberikan saranan atau jalan keluar kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap kumpulan hanya jika mereka menghadapi jalan buntu. Para pelajar perlu digalakkan untuk berfikir secara kreatif dan juga secara kolektif.
- Menggalakkan kebertanggungjawaban dan menyemai disiplin dalam kalangan pelajar. Guru harus memastikan arahan yang diberikan jelas, dan difahami dan dipersetujui sebelum memulakan aktiviti itu. Dengan ini, mereka dilatih untuk memikirkan natijah yang akan berlaku sekiranya sesuatu langkah diambil.
- Setiap arahan yang diberi harus mengambil kira keupayaan dan gaya pembelajaran pelajar yang berbeza-beza. Pelajar mempunyai tahap kecerdasan yang pelbagai, sekali gus memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses pembelajaran. Guru juga harus mengambil kira keterbatasan pelajar yang berkemungkinan tidak memiliki kemudahan Internet, Wi-Fi, komputer, dan sebagainya. Maka guru boleh mempertimbangkan untuk memberi lebih banyak waktu kepada kumpulan pelajar yang difikir memerlukan bantuan tambahan.

## **KAEDAH PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT**

Kaedah yang dijalankan ini berbentuk eksperimental, yang mana para pelajar digalakkan menganalisis gambar atau video yang dimuatnaikkan atau dipautkan dalam aplikasi Linoit lalu memberikan jawapan yang berstruktur. Bagi aktiviti yang menjurus pada pendekatan SDL, guru boleh memilih kelas yang menampakkan kesungguhan pelajar yang mampu belajar secara berdikari, dan guru akan bertindak selaku pemudah cara. Sekiranya guru ingin menjalankan kajian yang menjurus pada pendekatan CoL pula, guru perlu menggunakan kebijaksanaan masing-masing dan mengarahkan agar setiap aktiviti yang dilakarkan dapat dijalankan secara berkumpulan.

Pada akhir kajian, penilaian dijalankan berlandaskan rubrik yang telah ditentukan. Jawapan-jawapan yang diberi oleh para pelajar akan digunakan untuk dijadikan topik perbincangan dan kandungan pembelajaran lanjutan.

Guru dapat menggunakan strategi yang tertera di bawah ini ketika menggunakan aplikasi Linolt. Penyesuaian semula boleh dilakukan untuk menepati matlamat pembelajaran dan kebolehan para pelajar. Seandainya semua proses ini telah dapat dilaksanakan dengan baik, maka untuk sesi-sesi yang berikutnya, guru akan kurang menghadapi masalah.

## **PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT YANG MENGIKUTI PENDEKATAN SDL**

- Memastikan segala alat sampingan yang diperlukan berfungsi dengan baik (komputer, Internet, iPad, alat penghubung Wi-Fi dan sebagainya).
- Perancangan awal telah dijalankan.
- Gambar atau pautan video sesuai untuk digunakan (jelas, tidak mengandungi unsur-unsur negatif).
- Guru bertindak selaku pemudah cara yang fleksibel. Guru harus ingat bahawa tahap keseronokan pelajar juga penting agar keberkesanan dan kejayaan aktiviti mampu mencapai matlamat pembelajaran.
- Kata-kata negatif dan maklum balas yang meremehkan kemampuan individu tidak boleh diterima.
- Guru harus adakan satu sesi percubaan agar kesemua pelajar benar-benar memahami penggunaan aplikasi Linolt.

## **PENGGUNAAN APLIKASI LINOIT YANG MENGIKUTI PENDEKATAN COL**

Secara ringkas, segala yang tertera di atas perlu ada dalam subtajuk ini, dengan tambahan yang berikut:

- Guru harus lebih proaktif untuk memastikan tugas yang diberi kepada para pelajar berjalan dengan lancar.
- Guru boleh memastikan tugas yang diberi dapat diselesaikan dengan memberi masa tambahan, jika perlu, kerana guru perlu mengambil kira masa perbincangan yang diperlukan untuk setiap anggota berbincang sesama sendiri.
- Guru sebaik-baiknya memberi kelonggaran untuk menerima perubahan minit terakhir.

## **KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH BISHAN PARK**

### **Aplikasi Linolt Berdasarkan Gambar**

Untuk peringkat sekolah menengah atas aliran Normal Akademik (NA), guru telah membuka lebih banyak ruang untuk para pelajar menyumbang idea dan memberikan jawapan secara kreatif dan kritikal. Para pelajar telah didedahkan kepada gambar yang mempunyai gambaran yang berbeza berdasarkan sudut pandangan yang berlainan. Setelah guru memberi penerangan asas, para pelajar mula memberikan jawapan mereka berlandaskan struktur yang telah diterapkan.

Tujuan guru berbuat demikian adalah untuk memberikan kebebasan dalam menentukan jawapan yang ingin diberi. Cabaran utama yang diberikan kepada mereka adalah untuk menghasilkan jawapan yang unik di samping menggunakan laras bahasa yang sesuai.

### **SUBJEK**

Kumpulan pelajar yang terlibat ialah pelajar-pelajar Menengah 4NA. Mereka terdiri daripada pelajar yang memiliki tahap kemahiran yang pelbagai. Setiap pelajar diarahkan untuk melaksanakan tugas yang diberi sepanjang hujung minggu dengan menggunakan komputer riba ataupun telefon bijak mereka.

### **PROSEDUR KAJIAN**

Guru telah memberikan taklimat ringkas dan menjelaskan peraturan mengenai apa yang dikehendaki dalam penggunaan aplikasi Linolt ini. Para pelajar digalakkan berfikir secara kreatif untuk menjawab soalan yang diberi berdasarkan gambar yang dimuatnaikkan (pada hari Jumaat). Para pelajar perlu menyelesaikan tugas tersebut pada hujung minggu. Jawapan yang dimuatnaikkan akan dinilai dan dianalisis bersama-sama pada minggu yang berikutnya. Pada waktu itu, guru akan berbincang dan membuat penilaian bersama pelajar. Tindakan guru akan mengukuhkan keyakinan pelajar yang sekali gus akan merangsang perkembangan kognitif.

Latihan pada mulanya dijalankan dengan kerap, dan seterusnya akan dijalankan hanya sekali setiap bulan. Pada setiap sesi penilaian, guru mempunyai pilihan untuk memberikan ganjaran kepada jawapan yang terbaik. Ini boleh bertindak sebagai pemangkin kepada pelajar untuk meningkatkan kelakonan ketika menyelesaikan tugas yang seterusnya.

Pada akhir penggal kedua, guru meminta semua pelajar mengisi borang maklum balas untuk menilai beberapa perkara, antaranya:

- sejauh manakah penggunaan aplikasi Linolt telah memberi manfaat kepada mereka;
- apakah kemahiran yang telah mereka pelajari semasa menggunakan aplikasi itu;
- apakah yang mereka suka apabila menggunakan aplikasi Linolt,
- apakah yang mereka kurang suka apabila menggunakan aplikasi Linolt; dan
- bagaimanakah kaedah ini dapat diperbaiki.

## **KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH WOODLANDS RING**

### **Aplikasi Linolt Berdasarkan Klip Video**

Bermula tahun 2016, peperiksaan lisan bagi peringkat 'O' akan menggunakan video sebagai bahan rangsangan. Seajar dengan perubahan itu, kajian yang dijalankan agak serupa dengan kajian yang dijalankan oleh guru di Sekolah Menengah Bishan Park. Perbezaannya ialah bahan rangsangan bentuk gambar yang digantikan dengan klip video. Apabila pelajar menekan pautan tersebut, mereka akan menyaksikan satu klip video pendek. Berdasarkan klip video itu, para pelajar akan diminta menjawab beberapa soalan yang serupa dengan apa yang dikehendaki ketika mereka menduduki peperiksaan lisan kelak.

## **SUBJEK**

Kumpulan pelajar yang terlibat ialah pelajar-pelajar Menengah 2E. Mereka juga terdiri daripada pelajar yang memiliki tahap kemahiran yang pelbagai. Namun, pelajar-pelajar ini diarahkan untuk melaksanakan tugas yang diberi sewaktu masa kurikulum. Mereka perlu menyiapkan tugas mereka di makmal komputer sekolah.

## **PROSEDUR KAJIAN**

Guru telah memberikan taklimat ringkas dan menjelaskan peraturan mengenai apa yang dikehendaki dalam penggunaan aplikasi Linolt ini. Para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai dua orang anggota. Setiap kumpulan perlu menonton klip video pendek dan menjawab soalan-soalan yang telah dimuatnaikkan bersama dengan pautan video tersebut.

Latihan ini dijalankan sebulan sekali untuk membiasakan pelajar dengan kaedah penilaian yang akan digunakan pada tahun 2016. Guru akan mengadakan sesi penilaian apabila semua kumpulan telah menghantar tugas mereka. Pada setiap sesi penilaian, guru mempunyai pilihan untuk memberikan ganjaran kepada jawapan yang terbaik. Ini boleh bertindak sebagai pemangkin kepada mereka yang tidak berjaya untuk melakukan yang lebih baik ketika menjalankan aktiviti yang seterusnya.

Pada akhir penggal kedua, guru juga mengedarkan borang maklum balas yang serupa dengan yang digunakan di Sekolah Menengah Bishan Park.

## **DAPATAN KAJIAN**

Terdapat beberapa dapatan penting yang telah diperolehi melalui penerapan kaedah ini. Setelah menggunakan aplikasi Linolt dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar, guru mendapati bahawa:

- Para pelajar telah memberi maklum balas yang positif dan cukup memberangsangkan. Mereka melihat penggunaan aplikasi Linolt ini sebagai satu kaedah pembelajaran alternatif yang menarik dan berkesan. Setiap pelajar berasa teruja dan mahu menghasilkan yang terbaik untuk mengatasi kemampuan rakan-rakan yang lain.
- Pelajar-pelajar telah didedahkan kepada penggunaan bahasa yang baik dan sesuai – khususnya laras bahasa rasmi. Perkataan-perkataan dan frasa-frasa seperti ‘pada hemat saya’, dan ‘secara syumul’ kini menjadi lebih jelas penggunaannya, lebih-lebih lagi ketika menjawab soalan-soalan dalam ujian lisan. Penggunaan bahasa yang baik dan tepat juga mampu diterapkan. Misalnya, para pelajar lebih memahami perbezaan makna ketika menggunakan kata pemerai ‘ialah’ dan ‘adalah’.
- Biarpun tugas yang diberi berlandaskan pendekatan yang berasaskan SDL, apabila para pelajar menghadapi kesukaran, mereka berasa selesa untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Sikap terbuka sebegini secara tidak langsung telah berjaya menerapkan aspek-aspek SEL.
- Para pelajar yang sebelumnya kurang mahir dengan kemahiran ICT (memuatnaikkan jawapan ketika menggunakan aplikasi Linolt) kini berjaya dilengkapkan dengan kemahiran tersebut.

- Para pelajar lebih yakin memuatnaikkan jawapan walaupun mereka tahu jawapan mereka dapat dilihat oleh semua pelajar dalam kelas mereka.

## RUMUSAN

Secara syumul, apabila kajian ini telah berjaya dijalankan, reaksi daripada para pelajar membuktikan bahawa pembelajaran bahasa tidak semestinya hanya tertakluk dengan kaedah menelaah buku sahaja. Mereka akur bahawa pembelajaran bahasa boleh juga digarap menerusi kaedah yang memasukkan elemen-elemen yang menarik, menggalakkan penjanaan kreativiti dan menggunakan ICT seperti yang ada ketika mereka menggunakan aplikasi Linolt. Ramai pelajar yang bersetuju bahawa mereka telah mempelajari ilmu baharu melalui pendekatan.

Pada masa yang sama, para pelajar telah digalakkan supaya melakukan tugas yang diberi secara sendiri. Guru hanya bertindak selaku pemudah cara dan pemantau dalam kelas untuk mengawal keadaan sekiranya para pelajar tidak dapat mengawal keghairahan mereka sewaktu menjalankan tugas yang diberi. Peluang untuk bekerja secara kolaboratif juga ada dan peluang itu telah digunakan oleh para pelajar sebaik mungkin. Dengan memupuk sikap sebegini, pastinya ia mampu membina kelakonan yang lebih menyerlah di samping meningkatkan keyakinan diri pelajar.

## RUJUKAN

- Corder, Nicholas (2008). *Learning to Teach Adults: An Introduction*. London dan New York: Routledge.
- Hewitt, Des. (2008). *Understanding Effective Learning*. Berkshire: Open University Press.
- John-Harmen Valk (2010) *Using Mobile Phones to Improve Educational Outcomes: An Analysis of Evidence from Asia International Review of Research in Open and Distance Learning*, Volume 11, Number 1. Pan Asia Networking, IDRC, Canada
- Kukulkska-Hulme, A. (2006). *Mobile language learning now and in the future*. In P. Svensson (Ed.), *Från vision till praktik: språkutbildning och informationsteknik (From vision to practice: language learning and IT)* (pp. 295-310). Sweden: Swedish Net University (Nätuniversitetet). Retrieved from <http://oro.open.ac.uk/9542/1/kukulkska-hulme.pdf>
- Laster, Madlon (2009). *Teach the Way the Brain Learns*. United Kingdom: Rowman & Littlefield Education.

- Leigh, Elysebeth dan Kinder, Jeff (1999). Learning through Fun and Games. Australia: McGraw-Hill.
- Naveen K Mehta (2012). Mobile Phone Technology in English Teaching: Causes & Concerns MJAL 4:2 Summer 2012 ISSN 0974-8741 extracted from <http://www.mj-al.org/removedprofiles/2013/Mobile%20Phone%20Technology.pdf>
- Thompson, Julia G. (2007). The First-Year Teacher's Survival Guide: Ready to Use Strategies, Tools and Activities for Meeting the Challenges of Each School Day. San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.

## **LELAMAN YANG DIJADIKAN SUMBER RUJUKAN**

- <http://www.irrodl.org/index.php/irrodl/article/view/794/1487>
- <http://www.mj-al.org/Journal/Mobile%20Phone%20Technology.pdf>
- <http://www.ipedr.com/vol27/6-IC4E%202012-F00009.pdf>
- <http://www.ascilite.org.au/conferences/melbourne08/procs/ferry-poster.pdf>
- <http://www.jiscdigitalmedia.ac.uk/guide/mobile-learning-for-education>
- <http://escalate.ac.uk/downloads/8250.pdf>
- <http://stu.westga.edu/~bthibau1/MEDT%208484-%20Baylen/final%20report/13.pdf>